PULIH IMEJ SUNGAI BUNUS

Masalah sampah, kualiti air jejas projek

Perancangan menjadikan Projek Tebatan Banjir Sungai Bunus kini semakin menjadi kenyataan. Selain mengatasi masalah banjir, ia berperanan sebagai pusat rekreasi di sepanjang sungai sejauh sembilan kilometer itu. Trek berbasikal dan laluan pejalan kaki yang dibina akan dibuka secara berperingkat sehingga projek itu selesai sepenuhnya akhir tahun ini.

Terbaru, Pengarah Eksekutif (Perancangan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Datuk Mohd Najib Mohd berkata, kawasan riadah di Kolam Takungan Banjir Kampung Boyan mula dibuka kepada orang ramai pertengahan tahun ini. Selepas lama Sungai Bunus tidak dipedulikan, usaha memberi nilai kepada anak Sungai Klang itu sudah mula digerakkan. Namun, banyak perkara perlu ditangani segera terutama masalah sampah dan sungai berbau yang menjadi antara penyebab kualiti air Sungai Bunus masih di tahap mengecewakan.

Apabila berdiri di tengah-tengah jambatan konkrit kolam takungan, bau yang kurang menyenangkan meresap ke hidung. Melihat ke sungai, airnya keruh dan cetek. Biasanya ketika hujan baru kita boleh melihat air Sungai Bunus mengalir deras. Ketika itu selain warna air seperti teh susu, turut terapung dibawa bersama aliran air, sampah sarap dari kawasan hulu sungai.

Kepadatan penduduk, isu pembangunan dan masalah sikap menjadikan sungai yang bermula dengan hulunya di Wangsa Maju hingga Kampung Baru di hilir masih seperti 'hidup segan mati tak mahu'. Tiada perubahan yang dilihat pada isu sampah dan bau di Sungai Bunus terutama di kolam takungan ini, kata Ahmad Shamsul Baharin.

Pemilik syarikat pemaju yang sedang membangunkan projek kondominium berhadapan kolam takungan itu antara komuniti yang cukup terkesan dengan keadaan itu terutama menjejaskan usaha mengindahkan kawasan sebagai tempat rekreasi.

"Itu pemandangan biasa di kolam ini dengan sampah sentiasa ada terutama botol air mineral, plastik dan polisterin di kawasan tebing dan di dalam sungai. Bau yang datang dari sungai juga tidak kurang hebatnya," katanya yang juga seorang daripada 21 komuniti Sungai Bunus yang dilantik Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL).

Komuniti Sungai Bunus menjadi penggerak dalam usaha memberi kehidupan di sepanjang sungai yang diterajui LA21KL. Tumpuan kini pada Kolam Takungan Banjir Kampung Boyan yang siap sepenuhnya tahun lalu.

Sebelum memulakan pembinaan kondominium kira-kira empat tahun lalu, beliau dimaklumkan mengenai Projek Tebatan Banjir Sungai Bunus dan usaha menjadikannya sebagai tempat rekreasi yang boleh dikunjungi ramai. Mengikut perancangan kolam takungan yang dibina akan dibangunkan seperti sebuah tasik dengan dikelilingi pokok menghijau serta landskap yang indah.

Realitinya banyak cabaran untuk menjadikan apa yang dirancang itu satu kenyataan. Apa yang ada di hadapan mata sekarang jauh daripada apa yang terlakar dalam fikirannya sebelum ini terutama keadaan kolam takungan yang cetek selain tiada penyelenggaraan dilakukan di sekitar kolam. Semak yang semakin meninggi memenuhi tepi kolam dan sungai.

Ahmad Shamsul berkata, beliau masih tertanya-tanya siapa yang akan mengambil tanggungjawab terutama melakukan kerja membersihkan sungai dan di sekitar kawasan kolam itu.

"Isu sampah, bau dan kualiti air perlu diberi perhatian serius terutama pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Selain itu masalah semak samun juga harus dibersihkan secara berkala sebelum dibuka kepada orang ramai kerana ia akan mencacatkan pemandangan," katanya.

Bukan mahu menuding jari kepada pihak tertentu, tetapi sesuatu perlu dilakukan untuk memastikan masalah itu dapat diselesaikan segera. Kualiti air di sepanjang Sungai Bunus yang berada di kelas 3 dan 4 berkait rapat dengan masalah sampah dan sisa kumbahan yang dilepaskan ke sungai.

Kajian permasalahan di sepanjang Sungai Bunus pernah dibuat perunding yang dilantik JPS. Antara punca kualiti air ialah sikap penduduk berdekatan Sungai Bunus terutama kawasan kilang, kedai makan dan bengkel yang mengalirkan sisa buangan terus ke sungai tanpa ditapis melalui interceptor.

Keadaan air Sungai Bunus yang cetek terutama di beberapa tempat menyebabkan sisa ini tidak mengalir kecuali hujan lebat yang mengeluarkan bau kurang menyenangkan dan menyebabkan kualiti air sukar ditingkatkan.

Selain meningkatkan kesedaran masyarakat terutama yang mendiami kawasan berhampiran sungai, penguatkuasaan juga adalah langkah terbaik.

Jika melihat kepada keadaan Sungai Bunus hari ini, tentu tidak percaya terdapat hidupan di dalamnya terutama ikan hingga ada yang melakukan aktiviti memancing ikan. Tetapi itu 10 tahun lalu. Kini, dengan kualiti air dan bau yang kurang menyenangkan agak sukar untuk hidupan membina ekosistem di dalamnya.

Penduduk PPR Seri Semarak, Abdul Rahman Abu Hassan, 56, yang tinggal paling hampir dengan Sungai Bunus pernah melihat aktiviti memancing di Sungai Bunus.

"Saya teringin nak memancing tapi bila tengok keadaan sungai dan bau busuk, terus ubah fikiran," katanya.

Dia yang berniaga menjual popia dan makanan panas di gerai tepi Sungai Bunus sering menghidu bau busuk dari sungai terutama ketika cuaca panas.

"Baunya kuat sampai ke bilik di belakang kedai ni," katanya.

Di kawasan itu juga terdapat lebih 50 gerai sepanjang tepi Sungai Bunus berhadapan PPR Seri Semarak. Peniaga sentiasa dipantau pihak DBKL bagi memastikan tiada yang membuang sampah ke sungai dan sekiranya ada yang melakukannya mereka akan didenda.

"Kebanyakan yang membuang sampah dan sisa buangan datangnya dari hulu sungai. Banyak bengkel di kawasan atas sana yang buang sisa minyak ke dalam sungai.

"Kalau hujan lebat, sampah dari hulu terapung, plastik sampah, ranting kayu semua ada dibawa air," katanya. Apabila ditanya adakah dia

SIDANG PENGARANG
Metro
Datuk Mustapa Omar Pengarang Kumpulan | **Ahmad@Salim Bachok** Timbalan Pengarang Kumpulan | **Othman Mamat** Pengarang Eksekutif (Pengeluaran/BPI)
Shariffudin Mohamed Pengarang Eksekutif (Berita dan Hal Ehwal Semasa) | **Tuan Asri Tuan Hussein** Penulis Khas Kanan | **Noor Sham Md Salleh** Pengarang Bersekutu (Berita dan Integrasi Media)